

**ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENDIDIKAN ISLAM:
PERANAN PUSAT DAKWAH SERANTAU (PDS) DALAM MENDEKATI
MASYARAKAT SURAU KAMPUNG TOHAN BARU DI SABAH MENGGUNAKAN
PENDIDIKAN AL QURAN**

Ahmad Zafran Shahrul Azhar (Penulis bersama)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi (poskod, negeri)
Tel: +60123456789, E-Mel: ahmadzafran3980@gmail.com

Nur Zahidah Mahmud, KUIS

Abstrak

Pusat Dakwah Serantau (PDS) merupakan Badan Dakwah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *NGO* merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya individu atau komersial. PDS sebagai satu badan *NGO* memberi satu cetusan daripada pengalaman, minat, idea dan semangat perjuangan dalam memberikan penerangan dan pencerahan kepada masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam. Selain itu, penubuhan badan dakwah tersebut bermatlamat membentuk masyarakat yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dengan mengadakan seruan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Terdapat segelintir masyarakat di Sabah yang memegang teguh yang dijelaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah khususnya kepada umat Islam. Malah sebahagian masyarakat yang lain masih mengikut hawa nafsunya sendiri kerana tiada kesefahaman antara masyarakat hidup secara pelbagai kefahaman. Justeru, di sinilah peranan Badan Dakwah dan *NGO* untuk menyatukan dan memberi fahaman yang jelas kepada masyarakat Sabah khususnya.

Kata kunci: Peranan Dakwah, Pendidikan Al-Quran, Masyarakat

PENGENALAN

Pusat Dakwah Serantau (PDS) merupakan Badan Dakwah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *NGO* merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk kerja dakwah bagi masyarakat pedalaman yang tidak mendapat perhatian pendidikan agama Islam dari sudut pendidikan formal mahupun tidak formal. Masyarakat Sabah di pedalaman terdedah dengan pelbagai *NGO* yang hadir memberi bantuan dalam masa yang sama memurtadkan mereka semua. Usaha kerjasama *NGO* ini bagi memelihara kesucian agama Islam itu sendiri. Masyarakat di pedalaman akan dibimbing dengan pendakwah daripada orang tempatan atau semenanjung bagi membantu menyediakan penyediaan bahan mengajar ajaran agama Islam.

METHODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan yang timbul daripada objektif kajian. Secara umumnya, pengkaji ingin mengkaji kefahaman masyarakat Sabah terhadap dakwah yang dibawah oleh PDS dalam memperkenalkan Al-Quran dalam masyarakat pedalaman. Oleh itu, reka bentuk ini membincangkan kaedah teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu rumusan. Tambahan pula, pengkaji memfokuskan aspek analisis data, instrument kajian, responden kajian, kaedah pengumpulan data, reka bentuk kajian dan tempat kajian. Tujuan metodologi adalah membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasi dengan membuat huraian tentang proses kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah prosedur rangkaian secara teknikal melalui pemprosesan pemberi maklumat secara saintifik. Ianya adalah satu perancangan yang mempunyai tujuan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajian dengan sempurna dan mencari penyelesaian bagi sesuatu permasalahan. Selain itu, reka bentuk kajian yang lebih terancang juga dapat membantu mendapatkan maklumat tepat berkaitan kajian. Lantaran itu, dalam menjalankan suatu penyelidikan, penggunaan kaedah melalui kuantitatif amat penting dan perlu dititikberatkan. Kuantitatif bermaksud penelitian ilmiah yang sistematik terhadap bahagian-bahagian serta di dalam sesuatu penyelidikan. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et al, (2014), data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Semua penyelidikan melibatkan pungutan data. Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik.

Reka Bentuk Persampelan

1. Populasi

Menurut Noor Hazani (2004), populasi adalah kumpulan yang berpotensi untuk terlibat dalam nilai keputusan kajian. Populasi melibatkan responden terdiri daripada masyarakat perkampungan Surau Kampung Tohan Baru di Keningau, Sabah.

2. Sampel

Mohd Najib (2003), persampelan rawak adalah penyelidikan mengenalpasti responden dan menghantar borang kaji selidik kepada responden yang dikenalpasti dengan membuat pilihan secara rawak. Dalam kajian ini, penentuan sampel kajian perlu mewarisi populasi berdasarkan kaedah yang digunakan oleh Krejice and Morgan, (1970).

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data adalah kajian menggunakan borang soal selidik sebagai langkah bagi mempraktikkan pengumpulan data, kemudian data yang diperolehi dan dibandingkan dengan nilai statistik. Jika responden tidak mahu menjawab borang soal selidik, pengkaji seharusnya menghormati keputusan responden dan mendekati responden bagi menjawab borang soal selidik dalam bentuk temubual. Selain itu, kaedah pengumpulan data dan dibincangkan adalah memfokuskan kepada sumber data. Dua sumber yang diperolehi di dalam kajian iaitu data primer dan data sekunder. Borang soal selidik menggunakan dua (2) kaedah, pertama bertemu secara fizikal dan keduanya, melalui temubual.

3. Data Primer

Data primer merupakan data asal yang diperolehi daripada responden. Hubungan itu, melalui data tersebut perolehan maklum balas didapati daripada borang kaji selidik yang diedarkan kepada responden ahli masyarakat perkampungan Surau Kampung Tohan Baru di Keningau, Sabah.

4. Borang Kaji Selidik

Borang kaji soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur dan bersesuaian dengan responden yang dipilih. Selain itu, ia juga merupakan salah satu alternatif bagi mempraktikkan kaedah pengumpulan data dan data yang diperolehi itu akan dikemaskini menjadi satu kajian yang lengkap.

5. Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang terpenting kerana memerlukan bagi menerangkan tajuk kajian, mendapatkan fakta dan hasil penemuan yang telah dibuat daripada kajian-kajian lepas. Sumber-sumber lain yang diperolehi adalah daripada jurnal, artikel ilmiah, laman web sesawang dan buku-buku dari perpustakaan

6. Kajian Rintis

Kajian rintis ini dilakukan sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan. Hal ini bertujuan bagi memastikan kebolehpercayaan alat (instrument) kajian serta bersesuaian soal selidik sama ada item-item di dalam borang selidik dapat menggunakan bahasa yang sesuai, penggunaan format serta susunan item yang betul dan juga dapat difahami dengan jelas Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Kajian ini dilakukan kepada 30 orang. Dalam pada itu, kajian rintis ini juga membolehkan pengkaji mengenalpasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian.

Definisi Pusat Dakwah Serantau (PDS), Sebagai Badan NGO

Istilah Badan Bukan Kerajaan atau NGO (*Non-governmental Organization*) digunakan sejak tertubuhnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu PBB pada tahun 1945 yang termaktub dalam Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 tentang peranan konsultif *non-governmental Organization* (Nasrudin, 2021). Ia digunakan untuk membezakan antara hak penyertaan badan-badan pemerintah (*intergovernmental agencies*) dan organisasi-organisasi swasta international (*International Private Organizations*). Menurut Bank Dunia, *NGO* didefinisikan sebagai organisasi swasta yang menjalankan kegiatan untuk meringankan penderitaan, jurang kemiskinan, menyediakan khidmat sosial atau melakukan kegiatan pembangunan masyarakat. (Saliha, 1991).

Merujuk pandangan Ahmad Nidzamuddin & Wan Idros (2009) menyatakan dalam kamus sains politik pentadbiran awam bahawa NGO ditakrifkan sebagai organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat.

NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan. Oleh itu, jenis organisasi NGO ini disebut sebagai *civil society organizations* – Pertubuhan Masyarakat Awam. Manakala, menurut perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat (Saliha, 2000), NGO merujuk kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bercorak kebajikan yang mengendalikan program dan menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan sasaran.

Sehubungan dengan itu, terdapat 6 gabungan prinsip NGO yang boleh dikatakan unggul ialah (Shinichi et al 2004):

- a) *Non-government means that an NGO must carry out its decision making as an organization independently of the government.*
- b) *Non-profit making means that its activities must not be driven by profit-making motives, and that whatever profits my-arise from its activities must not be divided among its members for personal benefit.*
- c) *Voluntary means that the only qualification for membership must be the desire of an individual to participate. Participation must not be conditional on belonging to some organization.*
- d) *A solid and continuing form means that, unlike various forms of voluntary activities carried out on an ad hoc basic, an NGO must be an ongoing entity with a solid organizational form.*
- e) *Altruistic means that the immediate purpose of an NGO is to act the benefit of others*
- f) *Philanthropic refers to the fact that an NGO is unlikely to receive adequate payments from recipients of its service.*

PEMIKIRAN DATO' DR HARON DIN MENUBUHKAN PUSAT DAKWAH SERANTAU (PDS) SATU WADAH DAKWAH

PDS ditubuhkan pada tahun 2010, idea menubuhkan PDS ini hasil daripada retreat Yayasan Unit Amal ke Langkawi tahun 2009 dan diperhaluskan di Kuala Lumpur dan dipersetujui ditubuhkan PDS di Sungai Merab Luar, Bandar Baru Bangi awal 2010 (Mula Operasi pada Jun). Majlis Perunding pertama bagi pusat ini adalah Dato' Dr Haron Din bererti sejak dari ditubuhkan sehinggalah ke tarikh meninggalnya pada 16 September 2016.

Dato' Dr Haron Din wibawa tersendiri serta dijadikan pakar rujuk dalam banyak bidang khususnya berkaitan agama (Ahmad et al, 2015) menentukan polisi PDS ini, mulai dari penyusunan kurikulum kepada pengambilan pelajar, memilih tempat-tempat yang menjadi fokus dakwah, mencari dana dan penyediaan sara bagi tempat-tempat dakwah. Dato' Dr Haron Din memasukkan silibus pengajian ilmu pengubatan Islam dengan kerjasama Darussyifa' Malaysia mengajar kaedah rawatan, perkara yang bercanggah dengan syariat dengan membetulkan akidah dalam bentuk memperkenalkan ayat Al-Quran dan Hadis (Ahmad & Nur, 2021) Penglibatan wakil Darussyifa' terdiri daripada Pengerusi Darussyifa', Tuan Haji Abd Rahman Ahmad serta Timbalan Pengerusi Darussyifa', Ustaz Abd Rahman Nawas turut menjadi sebahagian Ahli Majlis Perunding PDS bagi mewakili kerusi Darussyifa' Malaysia. (Shafie, 2018).

Dato' Dr Haron Din diiktiraf sebagai tokoh ilmuan negara di peringkat negara dan antarabangsa yang terlibat dengan pelbagai kerja dakwah (Ahmad & Amirul, 2017) apabila Dato' Dr Haron

Din meninggal dunia, Dato' Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz menjadi pengganti dan dipengerusikan oleh Presiden Yayasan Amal Malaysia (YAM) Tuan Haji Hussein Islam serta jawatankuasa yang dipilih untuk membangunkan PDS sehingga ke hari ini. Kini Dato' Wan Mohammad Sheikh Abdul Aziz dilantik sebagai Setiausaha Politik dan diganti dengan Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man selaku Penaung PDS yang terkini. (Yayasan Amal Malaysia, 2021).

Objektif PDS

- a) Sebagai pusat dakwah setempat dan serantau.
- b) Sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan bagi merangka dan melancar gerakan dakwah secara strategic dan berkesan.
- c) Sebagai latihan bagi pekerja dakwah dan sebagai pusat komuniti.
- d) Sebagai pusat maklumat dan media dakwah.
- e) Mengambil sejumlah pelajar terpilih untuk dilatih dan berdakwah.
- f) Menggerakkan dakwah bil-hal menurut kaedah bersesuaian.
- g) Mengadakan kerjasama dengan berbagai pihak bagi melaksanakan matlamat.
- h) Memanfaatkan pengalaman dakwah yang berjaya disamping melengkapkan pendekatan dengan media baru.

PENDEKATAN DAKWAH MENURUT ABDUL HADI

Merujuk (Abdul Hadi, 2017), dakwah bermaksud menyeru dan mengajak manusia kepada agama Islam dan menegakkannya berpandukan perintah Allah Taala dan petunjuk Nabi Muhammad SAW. Usaha berdakwah boleh dijalankan dalam apa jua suasana sekalipun ketika berhadapan dengan cabaran dan kesulitan. Ajarannya pula mencakupi akidah, syariah, akhlak dan sistem hidup. Oleh itu, umat Islam bertanggung jawab menyebarkan dakwah Islam kepada anak watan dan mengajak mereka menerima Islam beramai-ramai. (Abdul Hadi, 2020). Ia berperanan membawa mesej Islam secara praktikal kepada seluruh manusia dengan berdakwah bagi menterjemahkan rahmat dan keadilan syariat Allah Taala kepada seluruh alam dan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan asal usul mereka, dengan berwawasan dunia hingga akhirat . Pendirian tersebut berasaskan firman Allah Taala dalam surah Al-Anbiya', ayat 107 (Abdul Hadi, 2011) yang bermaksud: "*Dan tidaklah kami utuskanmu melainkan menjadi rahmat kepada seluruh alam*".

Menyentuh tentang sasaran masyarakat ataupun orang yang didakwahkan (*mad'u*), (Abdul Hadi, 2015) menjelaskan bahawa juru dakwah seharusnya tidak memilih golongan tertentu untuk menyampaikan ajaran Islam. Semua masyarakat harus menjadi sasaran termasuklah masyarakat bandar, luar bandar, orang asal, gelandangan, juga termasuk mereka yang telah berumur dan masih muda. Selain itu juga, masyarakat beragama lain juga haruslah ditumpukan.

PENDIDIKAN AL-QURAN DALAM METODOLOGI DAKWAH

Dalam bahasa Arab pula terdapat beberapa kalimah yang merujuk kepada pendidikan. Antara kalimah yang selalu digunakan ialah (Rosnani Hashim, 2006):

- a) *Tarbiyyah*. Kalimah *tarbiyyah* berasal daripada kata dasar '*rabba*' (mengasuh, memelihara atau memimpin). Ia juga merujuk kepada proses perkembangan potensi

- individu, mengasuh atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang. (Halsted, 2004).
- b) *Ta'lim*. Kalimah *ta'lim* berasal daripada konotasi '*alima* (mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap, menanggapi). Ia merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiasaannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar atau lain-lain bentuk pengajaran. (Halsted, 2004).
 - c) *Ta'dib* berasal daripada kalimah *aduba* (memperhalusi, berdisiplin dan berbudaya). Ia merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat, ini termasuklah memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali iaitu keadilan. (Halsted, 2004)

KAEDAH MENDEKATI MASYARAKAT SURAU KAMPUNG TOHAN BARU

1. Membaca Al-Quran Dengan Diterjemahkan Makna Dalam Bahasa Sabah

Pendidikan Al-Quran di pedalaman memang menjadi satu kesukaran bagi mereka apabila disana sendiri tidak terdapat guru yang mengajar ataupun pendakwah yang menetap bersama mereka dan mengajarkan Al-Quran. Tanggungjawab untuk PDS mewujudkan satu kumpulan pendakwah daripada semenanjung sendiri untuk hadir secara komitmen dalam kawasan pedalaman dengan mengajarkan Al-Quran dengan kerjasama NGO dikalangan warga Sabah bagi kemudahan menterjemahkan Al-Quran ke dalam bahasa Sabah agar mudah didekati.

Kini, usaha berterusan gerak kerja dakwah memperlihatkan hasil yang besar dengan tindakan efektif menggunakan dialek atau loghat tempatan ketika mendekati warga Sabah yang jauh dari kefahaman Islam menyebabkan secara tidak langsung semakin ramai melafazkan syahadah. Jumlah yang masuk Islam dengan pendaftaran secara sah seramai 205 orang (Profile PDS, 2017).

2. Merawat Penyakit Dengan Ruqyah Syari'ah Oleh Perawat Darussyifa'

Kerjasama Darussyifa' dengan PDS telah lama terjalin. Peranan Darussyifa' disini dengan menggunakan method dakwah mendekati masyarakat tempatan dengan menggunakan kaedah pengobatan Islam. Kerja dakwah yang dilakukan disana menumpukan kepada rawatan Islam mengajarkan kaedah merawat menggunakan sumber Al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad saw. Mereka masyarakat tempatan lebih mudah didekati dengan kaedah begini dan dalam masa yang sama dan menolak sesetengah masyarakat yang masih mengamalkan amalan khurafat seperti amalan sihir atau menggunakan perkhidmatan bomoh.

Penglibatan perawat Darussyifa' juga amat penting dalam merawat gangguan makhluk halus. Penulis sendiri pernah merasai pengalaman mengikuti satu program dakwah di sana dengan menemubual ketua kampung yang mana beliau sendiri mengamalkan amalan menggunakan makhluk halus ini. Menjadi tanggungjawab sebagai perawat Darussyifa' dalam membantu menyebarkan rawatan Islam dalam masa yang sama menyedarkan akan kesalahan melanggar akidah. Ini kerana satu peranan penting dalam elemen dakwah Darussyifa' adlaah membantu membanteras aktiviti penyelewengan (Abd Rahshid, 2016).

Dalam masa yang sama pendekatan yang dibawa ini dapat mengajarkan kepada masyarakat tempatan berkaitan doa daripada Al-Quran, doa daripada Hadith, serta amalan pelindung diri daripada terkena gangguan makhluk halus. Perkara ini dapat diajarkan kepada masyarakat disana dan dari masa ke semasa dapat menghilangkan budaya meminta bantuan dengan makhluk halus kepada meminta segala urusan pada Allah sw.t (Darussalam, 2021).

3. Menganjurkan Majlis Bacaan Yassin Dan Doa Selamat

Majlis bacaan Yassin dilakukan pada setiap malam terakhir sebelum pendakwah keluar daripada perkampungan, ini menjadi satu pendekatan setiap kali PDS hadir, pada malam terakhir bersama masyarakat, PDS akan menganjurkan majlis doa selamat serta jamuan makan bersama. Pada masa itu juga, peluang pengislaman untuk dizahirkan bagi mengislamkan dengan jumlah yang besar (Profile PDS, 2017).

4. Menawarkan Masyarakat Pengajian Percuma di PDS

Tujuan besar PDS ke pedalaman Sabah adalah bertujuan bagi menarik minat masyarakat perkampungan agar tertarik dengan agama Islam. Ini kerana, masyarakat di pedalaman Sabah tidak terdedah dengan agama Islam atas faktor tempat tinggal mereka yang terlalu jauh dari bandar dan tersisih dari institusi pendidikan dan ibadah seperti sekolah atau surau. PDS menawarkan anak-anak muda daripada kalangan masyarakat tempatan untuk ikut pulang ke Semenanjung dan menetap di Pusat Dakwah Serantau di Sungai Merab Luar Bandar Baru Bangi bagi mendapatkan pendidikan yang lebih formal (Profile PDS, 2017).

Justeru itu, setelah tamah tempoh dua (2) tahun pengajian dengan silibus komprehensif yang ditawarkan, PDS akan menghantar anak-anak muda ini kembali ke perkampungan mereka untuk menyebarkan agama Islam. Ini kerana, dengan penggunaan bahasa tempatan, aktiviti dakwah dan bimbingan agama lebih mudah difahami dan dipraktikkan.

PDS MENAWARKAN PENDIDIKAN PENGUBATAN ISLAM KERJASAMA DENGAN PERSATUAN PERUBATAN, PENGUBATAN ISLAM MALAYSIA (Darussyifa')

Merujuk (Ahmad Zafran & Nur Zahidah, 2021) kerjasama yang diasaskan oleh Tuan Guru Dato' Dr Haron Din dalam menyatukan dua (2) peranan badan NGO dalam urusan dakwah ini diantara PDS dengan Darussyifa' dapat membantu dakwah masyarakat pedalaman lebih tersusun dengan adanya silibus yang diyakini ilmu dan Guru yang mengajarnya. Dengan gabungan besar NGO ini yang diasaskan oleh Tuan Guru bagi membantu kerja dakwah ini dapat menyelesaikan beberapa objektif penting seperti;

1. Mengelakkan Amalan Yang Salah

- a) Kurangnya penjelasan yang diterima oleh umat Islam mengenai kerosakan dan keburukan akibat penggunaan ilmu sihir.
- b) Masyarakat secara umumnya belum tahu membezakan antara ilmu sihir yang diharamkan dengan ilmu tertentu bukan saintifik yang diharuskan (rawatan alternatif). Bagi mereka, memadai dengan ikhtiar sahaja tanpa mengira samaada ia bertentangan dengan syariat Islam ataupun tidak.
- c) Masyarakat yang menggunakan khidmat sihir ini biasanya adalah pesakit yang sudah sampai ke peringkat putus asa dan menganggap tidak ada jalan lain bagi menyelesaikan masalah yang ditanggungnya.

2. Bukan Mencari Keuntungan Peribadi

- a) Tujuan Tuan Guru menubuhkan Darussyifa' adalah untuk menumpukan urusan kebajikan bagi mendapatkan redha Allah dan sebanyak mungkin bekalan kebaikan untuk dibawa ke Akhirat.
- b) Tuan Guru melarang meletakkan bayaran kepada pesakit kerana tujuan kita adalah meringankan bebanan yang ditanggung oleh pesakit.
- c) Kita semua manusia biasa yang serba kekurangan kerana kesempurnaan hanya milik Allah SWT. Tuan Guru mempunyai kekurangan begitu juga anak murid yang masing-masing mempunyai kekurangan. Justeru itu, rakan seperguruan hendaklah saling tampung menampung kelemahan dan kekurangan rakan seperguruan yang lain. Kelemahan rakan jangan sekali-kali dibongkar atau dibesar-besarkan. Sekiranya rakan secara tidak sengaja melakukan kesilapan ketika memberi ubat atau rawatan, hendaklah kita sedaya upaya menutup kesilapan itu di hadapan pesakit dengan cara yang penuh hikmah, tanpa mengaibkan rakan.

3. Teras Perubatan Islam

- a) Mempelajari ilmu pengubatan perlu mendapatkan ijazah dari guru kerana itu adalah warisan yang diterima oleh Tuan Guru daripada semua gurunya termasuk daripada ayahandanya sendiri. Sebagai contoh ketika Imam As-Shafie berguru dengan Imam Waqi' bagi mendapatkan ijazah daripada gurunya setelah tamat belajar. Ketika Imam As-Shafie menuntut dengan Imam Malik, beliau tidak dibenarkan memberi fatwa oleh Imam Malik sehingga ia diijazahkan. Oleh itu, tidak salah sekiranya mempelajari ilmu pengubatan secara terus dari buku sahaja.
- b) Rawatan dengan bacaan ataupun doa', telah diijmakkan harus oleh para ulama', malah digalakkan dengan tiga syarat;
 - a. *Dengan membaca Al-Quran (dengan bacaan yang betul).*
 - b. *Dengan bacaan-bacaan (selain daripada Al-Quran) yang diketahui maknanya.*
 - c. *Dengan mengiktikadkan bahawa Allah ta'ala sahaja yang akan menyembuhkan.*

4. Penyelidikan Mencari Ramuan

- a) Bahan ubat hendaklah daripada bahan yang halal dan harus (*jangan menggunakan bahan-bahan yang haram seperti benda yang najis, tangkal dan seumpamanya*)
- b) Tidak boleh berputus asa dalam berikhtiar untuk mencari ubat dan kesembuhan.
- c) Ada penyakit, ada ubat. Allah yang menjadikan penyakit, Dialah yang menjadikan ubatnya.

5. Rawatan Secara Doa

- a) Hendaklah memberhentikan segala bentuk amalan pengubatan yang bercanggah dengan syariat Islam seperti penggunaan tangkal (walaupun tangkal itu menggunakan ayat-ayat al-Quran), ilmu pengasih, ilmu penunduk dan seumpamanya.
- b) Hendaklan meletakkan diri kita mampu dan boleh untuk berhadapan dengan segala bentuk ujian dan cabaran.
- c) Al-Quran adalah panduan dan penghubung kepada kesembuhan penyakit.

6. Pemulihan Akidah Umat Islam

- a) LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender)
- b) Kahwin Songsang
- c) Ajaran Sesat (Syiah, Ayah Pin)
- d) Murtad
- e) *Silent Killer*: Cari Bomoh/Pawang/Sihir/Santau/Azimat/Tangkal

SIILIBUS PUSAT DAKWAH SERANTAU (PDS) DALAM PENDIDIKAN KEPADA MASYARAKAT PEDALAMAN

Usaha yang dijalankan ini dengan meletakkan dua (2) peranan ini terbentuk silibus besar dalam usaha dakwah dalam pedalaman ini agar golongan muda daripada masyarakat tersebut hadir ke PDS ini dilengkapi dengan pengajian asas fardhu air dan ilmu pengubatan Islam seperti;

Semester 1

Aqidah, Fekah, Akhlak, Al-Quran, Tajwid, Pengajian Al-Quran, Perubatan Islam, Tassawuf

Semester 2

Aqidah 2, Fekah 2, Akhla 2, Al-Quran 2, Tajwid 2, Bahasa Arab 1, Pengajian Hadis, Perubatan Islam 2, Sirah An-Nabawiyah, Fiqh Dakwah, Tassawuf 2

Semester 3

Fardhu Ain, Kitab Thurath, Praktikal Berceramah, Praktikal Merawat, Latihan pertanian, Latihan Kepimpinan.

Mereka iaitu anak-anak muda ini akan pulang ke kampung halaman masing-masing bagi menyebarkan dakwah Islamiyah dalam bahasa tempatan yang lebih dekat dengan masyarakat di sana agar lebih mudah memahami ajaran Islam tanpa perlu kehadiran daripada pendakwah luar terutama dari semenanjung yang perlu hadir secara berkala. Dengan pendekatan ini, pelajar mampu menyelesaikan masalah penglibatan ahli keluarga dan masyarakat di pedalaman yang terlibat dengan upacara khurafat dan amalan syirik dengan adanya ilmu pengubatan Islam yang diajar kepada mereka. (Shafie Abu Bakar, 2018)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa bahawa badan dakwah dan NGO Islam dan bukan Islam turut memainkan peranan mereka dalam menanam kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia. Semua aktiviti pelaksanaan terhadap yang diusahakan oleh badan dakwah dan NGO adalah dalam bentuk ‘amal jama’iy’ kerana NGO dan badan dakwah khusus yang Islam, ia bergerak secara berterusan dan didukung atas rasa amal bakti kerana Allah SWT. Adalah sangat penting kumpulan pemangkin majoriti dapat mempengaruhi minoriti sebagai *multiplier effect* dalam mewujudkan perubahan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat untuk menuju ke arah perubahan.

Atas dasar kesederan dalam dakwah ini, dalam meniti kehidupan dunia yang serba mencabar ini, manusia tidak dapat bertahan untuk hidup bersendirian tanpa meminta pertolongan dari orang lain, ada ketikanya tidak ada sebarang makhluk yang mahu menolong manusia dan ada kalanya

pula walaupun dibantu dan ditolong oleh semua manusia namun ia tetap tidak mendapati apa yang dihajatnya. Sebenarnya yang boleh memberi dan mampu memenuhi segala kehendak manusia itu hanya Allah s.w.t. Dialah Tuhan yang maha penyayang, kepada-Nya menjadi tumpuan semua makhluk memohon rahmat-Nya dan mengharapkan anugerah-Nya.

Manusia adalah makhluk Allah yang berjasad dan bernyawa (ruh). Beruntungnya apabila dapat membangunkan peribadi setiap insan itu dengan kekuatan fizikal dan ilmu daripada bimbingan alim ulamak. Bukan suatu perkara yang setiap ini dapat kecapai, Untuk mengetahui itulah perlu berilmu, perlu mendekati sumber-sumber ilmu, perlu mendekati tempat yang mengeluarkan cahaya ilmu. Para ulama para pengajar, para pentarbiyah pendidik yang mengajak kita kepada Allah. Dia mengingatkan kita daripada dosa-dosa kepada Allah yang mengazabkan kita, lebih banyak mengingati kita daripada perkara-perkara yang melalaikan kita dalam dunia ini. Atas itulah kita berjalan, atas itulah kita memanfaatkan waktu yang sempit yang pendek ini. Untuk mengisi ruang penghidupan kita lebih baik di redhai oleh Allah SWT.

Jangan meneroka, jangan mendekati tempat-tempat yang mengundang kita melakukan dosa kepada Allah, derhaka kepada Allah SWT, dan salah satu jalan untuk mendekati Allah SWT. Dalam Firman Allah swt dalam surah Al-Baqarah ayat 208

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴾

Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa') penajaan dalam pelaksanaan kajian dakwah lapangan di Sabah. Penghargaan kepada Tuan Haji Abd Rahman Ahmad, Pengerusi Darussyifa' Malaysia dan Ustaz Abd Rahman Nawas, Timbalan Pengerusi Darussyifa' Malaysia di atas memberi kepercayaan bagi mewakili Darussyifa' Malaysia dengan kerjasama Yayasan Amal Malaysia dan Pusat Dakwah Serantau untuk turut serta dalam kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hadi Awang. 2017. Islam: Fikrah, Harakah & Daulah. Shah Alam, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 2015. Beristiqamah Hingga Kemenangan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-61. <http://muktamar.pas.org.my>
- Abdul Hadi Awang. 2011. Membangun Negara Berkeadilan. Ucapan Dasar Presiden PAS. Muktamar Tahunan ke-57. <http://muktamar.pas.org.my>
- Ahmad Zafran, Nur Zahidah. 2021. Tuan Guru Dato' Dr Haron Din: Developing The Ummah Through The Methodology Of Islamic Darussyifa' Medicine, Malaysia. Conference on International Union for Muslim Scholars in Socio-Politics. Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zafran, Amirul Haikal. 2017. Peranan dan Cabaran Ulama dalam Institusi Islam, Nusantara Pendidikan: Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa'). Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2017. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi. *Jurnal (25) 313*.
- Ahmad Zafran, Amirul Haikal, NorFazila. 2015. Tuan Guru Dato' Dr Haron Din: Tokoh Ulama Kontemporari Dalam Bidang Pengubatan Islam. Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi. *Jurnal (58) 780*.
- Ahmad Nadzamuddin, Wan Idris, Mohd Mahadi. 2009. Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa da Pustaka.
- Abd Rashid Mat Amin. 2016. Pembentangan Diari Perjalanan Dunia Perubatan Dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa'). Taklimat Kepada Gabungan Persatuan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA). Darussyifa' Pusat, Bandar Baru Bangi.
- Halsted, J. M. 2004. An Islamic concept of education. *Comparative Education*. 40(4): 517-529.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib. 2003. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Empat. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mutiara Syifa' Darussalam, Kompilasi Khazanah Ilmu Tuan Guru Dato' Haji Ismail Kamus. Rawatan Dan Penyakit Gangguan. 2021. Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia. hlm 48.
- Nasrudin Hassan. 2021. Peranan Badan Dakwah Dan NGO Dalam Menanam Kesedaran Politik Dalam Kalangan Masyarakat. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Conference on International Union for Muslim Scholars in Socio-Politics. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hazani. 2004. Hubungan Antara Pemindahan Latihan Dengan Faktor Individu Dan Persekitaran Kerja: Satu Kajian Kes Di TNB Kawasan Johor Bahru, Johor. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Profile Rasmi Pusat Dakwah Serantau. 2017. Yayasan Amal Malaysia. hlm 13, 25, 22.
- Rosnani Hashim. 2006. Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam*. 12(1).
- Ruhizan Mohammad Yasin, Faizal Amin Yunus, Ridwan Che Rus, Mohd Bekri Rahim. 2014. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan

- Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. First Technical and Vocational Education International Seminar 2014.
- Saliha Hassan. 2000. NGO, Masyarakat Sivil dan Demokrasi. Abdul Rahman Embong. Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Saliha Hassan. 1991. Organisasi Bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia dlm. Hairany Naffis. Politik Malaysia Dekad 1990-an. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke- IV. Bangi: Jabatan Sains Politik, UKM.
- Shinichi, Kasian & Apichart. 2004. The NGO Way: Perspectives and Experiences from Thailand. Japan: Chiba.
- Shafie Abu Bakar. 2018. 40 Tahun (1997-2017) Bandar Baru Bangi. Galeri Bangi Bandar Ilmu.
- Yayasan Amal Malaysia. 2021. Buku Cenderahati Konvokesyen Pusat Dakwah Serantau (PDS). Sungai Merab, Bandar Baru Bangi.